

Agama, sekular patut diterima

UM 18 JUN 1994

KUALA LUMPUR 17 Jun — Umat Islam tidak mungkin membina semula tamadun kegemilangannya jika mereka tidak menghentikan sikap memisahkan pengetahuan agama dengan sekular, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, umat Islam harus menerima kedua-dua pengetahuan tersebut sebagai suatu yang menguatkan ajaran dan umat itu sendiri.

"Jika tidak, umat Islam akan berada di dalam kegelapan di zaman moden," katanya ketika berucap merasmikan Festival Tamadun Islam Sedunia, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sebagai langkah pertama bagi mengembalikan kecemerlangan tamadun Islam ialah mengikis kepercayaan



an bahawa dunia ini bukan untuk umat Islam dan menganggap pengetahuan selain daripada agama sebagai pengetahuan sekular.

"Sebaliknya, pengetahuan seperti itu haruslah dicari dan digunakan untuk

menguatkan ajaran dan mengembalikan kegemilangan tamadun Islam," katanya.

Perdana Menteri menjejakkan, pada masa dulu sajana-sarjana di zaman kegemilangan tamadun Islam mempunyai pengetahuan lengkap dalam semua bidang tetapi umat Islam pada masa kini hanya mengetahui sama ada pengetahuan agama ataupun pengetahuan sekular sahaja.

"Oleh itu mereka (umat Islam sekarang) tidak dapat menghubungkan antara kedua-dua pengetahuan tersebut.

"Akibatnya mereka sama ada menjadi fanatik agama dan menolak semua yang mereka tidak tahu sebagai pengetahuan sekular atau mempelajari sesuatu yang tidak berkaitan dengan agama dengan mendapati mereka tidak dapat mem-

pertahankan pengetahuan itu kerana tidak berkaitan dengan agama," katanya.

Dr. Mahathir berkata, apabila fanatik agama itu dicabar mereka tidak dapat memberi satu jawapan yang dapat diterima.

"Mereka juga seringkali merasa bersalah atau menolak agama kerana gagal menghubungkan pengetahuan yang diperolehi dengan ajaran agama," kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan, apabila umat Islam membincangkan mengenai usaha mewujudkan tamadun Islam, ini tidak bermakna mereka harus meniru bulat-bulat dari dunia Islam di kurun ke-7 hingga kejatuhan Kesultanan Turki.

Katanya, zaman kegemilangan tamadun Islam tidak diwujudkan semula semata-mata dengan meniru kehidupan Nabi Muha-

mmad S.A.W di Mekah dan Madinah tetapi berdasarkan pengajaran Islam sebenarnya.

"Pembinaan tamadun Islam moden harus dilakukan di dalam konteks pencapaian kemanusiaan di masa ini dan ia harus mem-

pamerkan kehidupan dan pemikiran masa sekarang yang relevan dengan tuntutan semasa serta bersesuaian dengan ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebelum umat Islam mencapai kembali zaman

kegemilangan mereka, satu sistem pentabdiran dan kerajaan yang menggabungkan kedua-duanya iaitu Islam dan tuntutan sgmasa harus diwujudkan.

"Bagaimanapun harus diingat bahawa pembentukan kerajaan empayar Is-

lam tidak sama dengan keadaan di Mekah dan Madinah di zaman Nabi," katanya.

Dr. Mahathir berkata adalah sesuatu yang mendukacitakan kerana kebanyakan kerajaan yang rosak terdiri daripada negara Islam.